

Kewangan Sektor Awam

4



Kewangan Sektor Awam

Tinjauan

Dasar fiskal menyokong pertumbuhan...

Teras dasar fiskal pada tahun 2010 ditumpukan ke arah menyokong momentum pertumbuhan dan inisiatif pembaharuan bagi meningkatkan potensi output ekonomi domestik di samping mengekalkan disiplin fiskal. Pelbagai langkah telah diperkenalkan dalam Bajet 2010 untuk menggalakkan semula pelaburan swasta, meningkatkan pembangunan kemahiran, merangsang perbelanjaan pengguna serta menjana peluang pekerjaan. Langkah pemulihan ekonomi yang diambil oleh Kerajaan menerusi suntikan fiskal secara langsung sebanyak RM22 bilion pada tahun 2009 dan 2010 telah memberi impak positif kepada ekonomi seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan kukuh 9.5% dalam tempoh separuh pertama tahun ini.

Selaras dengan pemulihan ekonomi yang semakin kukuh, Kerajaan mampu menampung komitmen perbelanjaan baru dan tambahan bagi tahun ini. Pertambahan peruntukan, antara lain adalah bagi membiayai sasaran pembaharuan di bawah enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), program kesihatan, pendidikan dan pelancongan. Peruntukan ini termasuk penambahbaikan skim gaji polis, badan kehakiman dan pensyarah perubatan serta pergigian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Langkah penjimatan perbelanjaan juga dilaksanakan tanpa menjejaskan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Subsidi gula dan bahan api juga telah dikurangkan. Penempatan semula kakitangan dan pengurangan dalam perbelanjaan tidak kritikal juga telah dilaksanakan. Bagi meningkatkan hasil, alternatif

pembiayaan baru sedang dirangka dengan dua matlamat iaitu merealisasikan nilai sebenar aset Kerajaan serta mewujudkan peluang yang lebih luas untuk penglibatan sektor swasta dalam ekonomi. Inisiatif penswastaan, pelupusan aset Kerajaan serta saham dalam syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah di antara beberapa inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan.

Sektor awam memainkan peranan penting dalam mengekalkan momentum pertumbuhan, membantu pelaburan swasta serta mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Dalam menghadapi cabaran ini, sektor awam dijangka berkembang 3.8%, menyumbang 1.0 mata peratusan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2010 (2009: 5.2%; 1.2 mata peratusan). Sehubungan itu, sumbangan sektor awam kepada KDNK kekal tinggi sebanyak 24.8% (2009: 25.6%).

Kerajaan Persekutuan

Konsolidasi fiskal berterusan...

Kerajaan Persekutuan komited terhadap usaha konsolidasi fiskal dan akan terus melaksanakan langkah perbelanjaan berhemat dan yang memberi nilai setimpal. Walaupun menanggung komitmen baru dan tambahan pada tahun ini, jumlah perbelanjaan Kerajaan kekal sebanyak RM206.2 bilion, sementara kutipan hasil diunjur lebih tinggi pada RM162.1 bilion. Sehubungan itu, defisit fiskal dijangka mencatat pengurangan ketara daripada 7.0% pada tahun 2009 kepada 5.6% pada tahun 2010.

JADUAL 4.1

**Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan
2009 – 2011**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Hasil	158,639	162,131	165,825	-0.7	2.2	2.3
Perbelanjaan mengurus	157,067	152,158	162,805	2.3	-3.1	7.0
Baki semasa	1,573	9,972	3,020			
Perbelanjaan pembangunan kasar	49,515	54,042	49,182	15.6	9.1	-9.0
Tolak: Terimaan balik pinjaman	519	732	682	-45.9	41.0	-6.8
Perbelanjaan pembangunan bersih	48,996	53,310	48,500	17.0	8.8	-9.0
Baki keseluruhan	-47,424	-43,338	-45,481			
% kepada KDNK	-7.0	-5.6	-5.4			

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2011.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Hasil

Hasil kekal kukuh...

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2010 dijangka kekal kukuh berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Jumlah kutipan hasil diunjur meningkat 2.2% kepada RM162.1 bilion atau 20.9% daripada KDNK (2009: -0.7%; RM158.6 bilion; 23.3%). Hasil cukai yang mencakupi 66.1% daripada jumlah hasil dijangka kekal kukuh pada RM107.1 bilion (2009: 67.1%; RM106.5 bilion), disokong oleh pemulihan memberangsangkan dalam terimaan cukai pendapatan syarikat dan duti eksais. Sementara itu, beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempelbagai dan memperluaskan asas cukai dijangka meningkatkan terimaan hasil bukan cukai sebanyak 5.6% kepada RM55 bilion (2009: 11.2%; RM52.1 bilion).

Hasil **cukai langsung** dijangka berkurang 2.8% kepada RM76.2 bilion (2009: -4.6%; RM78.4 bilion) disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam kutipan cukai pendapatan petroleum (PITA) yang mendadak dan lebih besar berbanding sumbangan kukuh daripada komponen utama cukai

langsung lain. Hasil cukai pendapatan syarikat yang merosot ketara akibat kelembapan ekonomi pada tahun 2009 dijangka kembali meningkat 10.1% kepada RM33.2 bilion (2009: -20.0%; RM30.2 bilion). Terimaan daripada cukai pendapatan individu pula dijangka terus berkembang pesat sebanyak 20.4% kepada RM18.8 bilion (2009: 4.2%; RM15.6 bilion). Kutipan cukai pendapatan syarikat dan individu meningkat disebabkan oleh persekitaran ekonomi yang lebih menggalakkan, disokong oleh pengukuhan permintaan dalam dan luar negeri serta pasaran buruh yang stabil. Transaksi perniagaan yang lebih tinggi juga dijangka meningkatkan hasil duti setem sebanyak 21.0% kepada RM4.1 bilion (2009: -4.1%; RM3.3 bilion).

Sementara itu, hasil PITA dijangka merosot ketara sebanyak 32.9% kepada RM18.3 bilion (2009: 12.6%; RM27.2 bilion). Terimaan lebih rendah daripada PITA, disebabkan antaranya perubahan layanan cukai untuk syarikat petroleum huluan serta pengeluaran yang lebih rendah dan harga minyak mentah yang berkurangan kepada purata USD65.42 setong pada tahun 2009. Sehingga tahun 2009, PITA telah ditaksir berasaskan pendapatan yang diterima pada tahun sebelumnya.

JADUAL 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2009 – 2011


	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Hasil cukai	106,504	107,092	115,501	-5.7	0.6	7.9	67.1	66.1	69.7
Cukai langsung antaranya:	78,375	76,156	83,983	-4.6	-2.8	10.3	49.4	47.0	50.6
Syarikat	30,199	33,248	36,210	-20.0	10.1	8.9	19.0	20.5	21.8
PITA ³	27,231	18,286	21,786	12.6	-32.9	19.1	17.2	11.3	13.1
Individu	15,590	18,775	19,867	4.2	20.4	5.8	9.8	11.6	12.0
Cukai tidak langsung antaranya:	28,129	30,936	31,518	-8.6	10.0	1.9	17.7	19.1	19.0
Duti eksais	10,068	11,835	12,026	-5.7	17.6	1.6	6.3	7.3	7.3
Cukai jualan	8,603	8,241	8,411	2.7	-4.2	2.1	5.4	5.1	5.1
Hasil bukan cukai	52,135	55,039	50,324	11.2	5.6	-8.6	32.9	33.9	30.3
antaranya:									
Lesen dan permit	10,686	10,239	10,012	-3.7	-4.2	-2.2	6.7	6.3	6.0
Pendapatan pelaburan	37,394	39,458	33,174	15.9	5.5	-15.9	23.6	24.3	20.0
Jumlah hasil	158,639	162,131	165,825	-0.7	2.2	2.3	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	23.3	20.9	19.8						

¹ Anggaran disemak.² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2011.³ Cukai pendapatan petroleum.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

CARTA 4.1

Hasil Kerajaan Persekutuan



Harga minyak mentah yang tidak menentu berikutan pemulihan permintaan global yang tidak stabil serta pengukuhan ringgit telah menyumbang kepada penurunan hasil PITA.

Berkuat kuasa 1 Januari 2010, PITA ditaksir di bawah sistem taksiran sendiri berdasarkan pendapatan yang diterima pada tahun semasa. Langkah ini akan menyeragamkan sistem percukaian negara serta memastikan pengurusan aliran tunai yang lebih baik dan mencerminkan kedudukan ekonomi semasa. Syarikat petroleum huluan dibenarkan membayar PITA ke atas pendapatan yang diterima pada tahun 2009 secara ansuran selama lima tahun bagi membantu mengurangkan beban syarikat yang terlibat.

Terimaan daripada cukai pegangan dan pendapatan koperasi berjumlah RM1.3 bilion dan RM446 juta. Pengenalan semula cukai keuntungan harta tanah (RPGT) pada kadar 5.0% berkuat kuasa 1 Januari 2010 yang dikenakan ke atas keuntungan pelupusan harta tanah dalam tempoh lima tahun daripada tarikh pembelian dijangka turut menyumbang kepada pertambahan hasil Kerajaan.

Penyumbang terbesar hasil cukai adalah industri minyak dan gas, diikuti perdagangan borong dan runcit, pengantaraan kewangan, sektor pembuatan dan harta tanah. Sehingga akhir Julai 2010, terdapat 6,103,219 pembayar cukai berdaftar iaitu 5.4 juta (89.2%) pembayar cukai individu, 450,621 (7.4%) syarikat manakala selebihnya adalah pertubuhan dan pelbagai pertubuhan amanah. Daripada jumlah ini, borang yang dikenakan cukai merangkumi 1,767,181 individu dan 113,125 syarikat. Sejak sistem *e-Filing* diperkenalkan pada tahun 2006, bilangan pembayar cukai yang menggunakan sistem ini telah bertambah setiap tahun, dengan lebih 1.9 juta pembayar cukai telah mengembalikan borang cukai melalui *e-Filing* iaitu peningkatan 16.5% berbanding tahun 2009. Pada masa yang sama, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terus berusaha untuk menggalakkan kepatuhan cukai dan kutipan hasil melalui peningkatan produktiviti

dalam pentadbiran cukai, penguatkuasaan, audit dan penyiasatan.

Hasil **cukai tidak langsung** dijangka meningkat 10.0% kepada RM30.9 bilion, menyumbang 19.1% kepada jumlah hasil (2009: -8.6%; RM28.1 bilion; 17.7%). Harga komoditi dan jumlah eksport yang lebih tinggi, aktiviti pembuatan dan perniagaan yang terus berkembang serta penggunaan swasta yang kukuh dijangka merangsang terimaan daripada cukai tidak langsung. Hasil duti eksais ke atas barangan import dan buatan tempatan yang merupakan komponen terbesar cukai tidak langsung dijangka meningkat 17.6% kepada RM11.8 bilion (2009: -5.7%; RM10.1 bilion) disokong oleh permintaan tinggi bagi barangan seperti kenderaan bermotor, rokok dan minuman keras. Terimaan daripada cukai perkhidmatan juga diunjur mencatat pertumbuhan kukuh 18.6% kepada RM4 bilion. Selain itu, tambahan hasil sebanyak RM331 juta dijangka diterima daripada cukai perkhidmatan RM50 setahun yang dikenakan ke atas kad kredit dan kad caj serta RM25 setahun bagi setiap kad tambahan berkuat kuasa 1 Januari 2010. Cukai perkhidmatan tersebut bertujuan memupuk tabiat perbelanjaan berhemat. Terdapat 9.1 juta kad kredit dan 227,200 kad caj dalam edaran pada akhir Jun 2010. Sementara itu, harga minyak mentah yang lebih tinggi akan memberi kesan terimaan yang lebih rendah daripada cukai jualan sebanyak RM8.2 bilion (2009: RM8.6 bilion) disebabkan pengecualian yang diberikan di bawah mekanisme harga automatik (APM) untuk menstabilkan harga jualan produk petroleum. Sebaliknya, hasil duti eksport dijangka melonjak 77.1% kepada RM2 bilion (2009: -58.5%; RM1.2 bilion) berikutan peningkatan volum eksport dan harga minyak mentah yang merupakan komponen utama duti eksport. Duti import dijangka terus menurun kepada RM2.1 bilion selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan terhadap liberalisasi tarif di bawah perjanjian perdagangan serantau dan dua hala.

Hasil **bukan cukai** dijangka meningkat 5.6% kepada RM55 bilion dan menyumbang 33.9% kepada jumlah hasil pada tahun 2010

(2009: 11.2%; RM52.1 bilion; 32.9%). Pendapatan pelaburan terus menjadi sumber utama hasil bukan cukai, merangkumi RM39.5 bilion atau 71.7% (2009: RM37.4 bilion; 71.7%), diikuti oleh lesen dan permit sebanyak RM10.2 bilion. Pendapatan dividen daripada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) (RM30 bilion), Bank Negara Malaysia (RM2 bilion) dan syarikat MKD dijangka kekal stabil selaras dengan kepesatan ekonomi dalam negeri dan permintaan luar negara yang kukuh. Terimaan daripada penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan dijangka stabil pada RM4.2 bilion (2009: RM4.1 bilion). Tambahan hasil pada tahun ini dijangka diperoleh daripada inisiatif penswastan (RM350 juta), penjualan saham dalam syarikat MKD (RM568 juta) serta penjualan aset Kerajaan (RM500 juta). Langkah tersebut selari dengan matlamat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan dalam kegiatan ekonomi, mengoptima nilai aset awam melalui jualan, sewaan atau pembangunan bersama serta meningkatkan lagi apungan bebas di Bursa Malaysia. Penswastan syarikat MKD terpilih

membolehkan mereka beroperasi dengan lebih cekap, mengembangkan aktiviti syarikat serta mengurangkan beban fiskal Kerajaan.

Hasil kutipan lesen, fi pendaftaran dan permit dijangka lebih rendah kepada RM10.2 bilion atau 18.6% daripada jumlah hasil bukan cukai (2009: RM10.7 bilion; 20.5%). Terimaan daripada royalti petroleum dijangka stabil pada RM4.9 bilion (2009: RM4.8 bilion) manakala kutipan cukai jalan dijangka meningkat 6.3% kepada RM2 bilion (2009: 3.2%; RM1.9 bilion) berikutan jualan kenderaan penumpang dan perdagangan yang lebih tinggi. Sumber hasil bukan cukai lain termasuk terimaan daripada cari gali minyak dan gas di bawah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) berjumlah RM1 bilion serta denda dan penalti RM898 juta (2009: RM819 juta; RM690 juta). Terimaan bukan hasil, termasuk pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi Kerajaan serta hasil wilayah persekutuan dijangka berjumlah RM1.2 bilion.

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2009 – 2011

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Emolumen	42,778	46,626	45,562	4.3	9.0	-2.3	27.2	30.6	28.0
Bayaran khidmat hutang	14,222	15,886	18,517	11.1	11.7	16.6	9.1	10.4	11.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	4,895	4,856	5,510	12.1	-0.8	13.5	3.1	3.2	3.4
Pencen dan ganjaran	10,146	10,810	12,296	1.2	6.5	13.8	6.5	7.1	7.6
Bekalan dan perkhidmatan	26,372	23,590	28,232	4.7	-10.6	19.7	16.8	15.5	17.3
Subsidi	20,345	24,933	23,704	-42.1	22.5	-4.9	13.0	16.4	14.6
Pemberian kepada badan berkanun ³	12,024	11,891	13,165	-4.5	-1.1	10.7	7.7	7.8	8.1
Bayaran balik dan hapus kira	555	1,115	1,083	-22.6	101.0	-2.8	0.4	0.7	0.7
Lain-lain	25,731	12,453	14,736	121.0	-51.6	18.3	16.4	8.2	9.1
Jumlah	157,067	152,158	162,805	2.3	-3.1	7.0	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	23.1	19.6	19.4						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak mengambil kira perubahan cukai 2011.

³ Termasuk emolumen.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Perbelanjaan

Perbelanjaan mengurus lebih rendah...

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka kekal tinggi sebanyak RM206.2 bilion pada tahun 2010 disebabkan perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi berikutan suntikan fiskal sebanyak RM5 bilion di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua. Peruntukan ini termasuk RM3.4 bilion bagi mencapai sasaran di bawah enam NKRA yang telah ditetapkan bagi tahun 2010.

Perbelanjaan mengurus dijangka berkurang 3.1% kepada RM152.2 bilion (2009: 2.3%; RM157.1 bilion) iaitu penurunan pertama semenjak tahun 1998. Pengurangan ini disebabkan langkah penjimatan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal perbelanjaan serta kesan paras yang tinggi pada tahun 2009 apabila perbelanjaan Kerajaan meningkat ketara berikutan pelaksanaan dua pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM12 bilion. Perbelanjaan mengurus mencakupi 73.8% daripada jumlah perbelanjaan pada tahun 2010.

Perbelanjaan **emolumen** yang merupakan komponen terbesar merangkumi 30.6% daripada perbelanjaan mengurus dijangka berkembang 9.0% kepada RM46.6 bilion (2009: 27.2%; 4.3%; RM42.8 bilion). Faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini termasuk peruntukan sebanyak RM633 juta untuk membiayai pelarasan gaji polis serta penambahbaikan skim insentif kepada pensyarah perubatan dan pergigian di IPTA. Tambahan pula, bantuan khas kewangan sebanyak RM500 kepada 1.24 juta kakitangan awam pada September 2010 telah meningkatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM640 juta.

Subsidi, komponen kedua terbesar iaitu 16.4% daripada perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 22.5% kepada RM24.9 bilion

(2009: 13.0%; -42.1%; RM20.3 bilion) meskipun rasionalisasi subsidi minyak dan gula telah dilaksanakan. Kategori subsidi terdiri daripada pelbagai subsidi, insentif dan program bantuan sosial, antaranya merangkumi subsidi bahan api, gula, minyak masak, insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta bantuan pendidikan dan program kebajikan sosial. Selain itu, peruntukan juga disediakan untuk Orang Asli. Pada tahun 2010, kos subsidi dijangka mencecah RM14.9 bilion (59.7%), program bantuan sosial RM9.4 bilion (37.8%) dan insentif RM629 juta (2.5%).

Perbelanjaan subsidi bahan api yang merupakan komponen terbesar dalam kategori ini dijangka meningkat 61.6% kepada RM10 bilion (2009: -64.7%; RM6.2 bilion) berikutan kenaikan harga minyak mentah. Harga purata minyak mentah *West Texas Intermediate* (WTI) bagi tempoh sembilan bulan pertama adalah USD77.58 setong (2009: USD61.99 setong). Pengurangan subsidi ke atas bahan api dan gula berkuat kuasa 16 Julai 2010 merupakan pendekatan berfasa untuk mengoptimalkan pengagihan sumber, mengurangkan herotan pasaran dan aktiviti penyeludupan serta meringankan beban fiskal Kerajaan. Harga runcit petrol RON95 dan RON97 serta diesel untuk semua sektor bersubsidi telah dinaikkan 5 sen kepada RM1.85, RM2.10 dan RM1.75 seliter, manakala gas petroleum cecair (LPG) dinaikkan 10 sen kepada RM1.85 sekilogram. Bagi meminimumkan ketirisan, kenderaan berpendaftaran asing tidak dibenarkan membeli petrol RON95 mulai 1 Ogos 2010. Pada masa yang sama, penjualan diesel juga dihadkan kepada 20 liter bagi setiap kenderaan di stesen minyak yang terletak dalam lingkungan 50 kilometer dari pintu sempadan negara. Walau bagaimanapun, tiada sekatan ke atas jualan petrol gred premium RON97 kepada kenderaan berpendaftaran asing. Sementara itu, peningkatan 25 sen harga gula kepada RM1.90 sekilogram adalah disebabkan oleh kenaikan kos komoditi serta pertimbangan terhadap kepentingan kesihatan awam.

Rasionalisasi Subsidi

Pengenalan

Perbelanjaan bagi subsidi telah meningkat dengan ketara pada tahun 2008, sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan mendadak harga minyak mentah. Pada tahun 2009, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM20.3 bilion atau 13.0% daripada perbelanjaan mengurus bagi membiayai subsidi.

JADUAL 1

Subsidi di Malaysia

Tahun	Perbelanjaan Mengurus (RM juta)	Subsidi	
		Nilai (RM juta)	Bahagian kepada Perbelanjaan Mengurus (%)
2004	91,298	5,796	6.3
2005	97,744	13,387	13.7
2006	107,694	10,112	9.4
2007	123,084	10,481	8.5
2008 ^a	153,499	35,166	22.9
2009	157,067	20,345	13.0
2010 ^b	152,158	24,933	16.4

^a Mulai 2008, subsidi adalah termasuk subsidi minyak, pelbagai subsidi lain, insentif-insentif, program bantuan bagi jaminan makanan, biasiswa dan bantuan pendidikan dan program kebajikan.

^b Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia.

Impak Subsidi

Jumlah keseluruhan perbelanjaan subsidi terus meningkat dan tidak mapan, memandangkan ia terikat dengan harga komoditi dunia, terutamanya minyak. Kajian terkini oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menunjukkan terdapat subsidi yang tidak mencapai kumpulan sasaran dan lebih banyak memberi faedah kepada golongan berpendapatan tinggi. Subsidi ke atas barangan dan perkhidmatan mendorong penggunaan secara berlebihan. Malahan, industri tidak mempunyai dorongan untuk menambah baik dan mempertingkatkan produktiviti memandangkan kos input telah diberi subsidi. Kesan subsidi yang tidak diingini telah menjurus kepada peruntukan sumber yang tidak optimal, memberi kesan ke atas kecekapan pasaran dan persaingan serta membataskan potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, apabila subsidi tidak menepati kumpulan sasaran, sejumlah besar dana awam tidak dapat disalurkan kepada program yang memberi faedah kepada rakyat. Jadual di bawah menunjukkan anggaran perbelanjaan bagi subsidi utama pada tahun 2010.

JADUAL 2

Peruntukan bagi Subsidi Utama (RM juta)

Bahagian	2010
Gas petroleum cecair (LPG), diesel dan petrol	10,000
Bantuan pendidikan	7,101
Bantuan kebajikan lain	2,327
Subsidi perbezaan kadar faedah dan elektrik	1,514
Padi, beras, gula dan tepung	2,031
Skim penstabilan harga minyak masak	828
Insentif	629
Lain-lain	503
Jumlah	24,933

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia.

Penstrukturan Semula Subsidi

Menyedari kesan negatif, Kerajaan telah mengambil langkah penstrukturan semula subsidi. Peralihan kepada mekanisme pasaran bagi menentukan harga dan output akan membawa kepada peruntukan sumber yang lebih cekap, pengurangan pembaziran dan peningkatan kecekapan. Proses ini akan dilaksanakan secara teliti dan secara berperingkat agar ia memberi kesan yang minimum kepada pengguna dan perniagaan serta mengekang tekanan inflasi. Usaha untuk mengurangkan perbelanjaan bagi subsidi bermula apabila harga petrol telah diselaraskan pada tahun 2009 dan harga gula dinaikkan sebanyak 20 sen pada Januari 2010¹. Program rasionalisasi subsidi yang lebih menyeluruh telah diumumkan pada 15 Julai 2010. Sebagai permulaan, langkah berikut telah dilaksanakan.

- o Subsidi bagi RON95 dan diesel telah dikurangkan sebanyak 5 sen seliter;
- o RON97 tidak lagi diberi subsidi dan harganya ditentukan oleh mekanisme harga automatik;
- o Subsidi LPG telah dikurangkan sebanyak 10 sen sekilogram; dan
- o Harga gula telah dinaikkan sebanyak 25 sen sekilogram.

Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi pada tahun 2010 akan digunakan bagi tujuan mempertingkatkan lagi pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti. Petrol dan gula menjadi sasaran awal memandangkan petrol merupakan bahagian terbesar, iaitu sebanyak 40.1% daripada jumlah subsidi pada tahun 2010. Pengurangan subsidi petrol akan memberi impak yang paling besar kepada kewangan Kerajaan, manakala peningkatan harga gula akan mengurangkan penggunaan dan menjurus ke arah gaya hidup yang lebih sihat. Tambahan pula, terdapat laporan mengenai subsidi gula dan petrol yang menunjukkan:

- o Lebih kurang 71.0% daripada subsidi petrol memberi manfaat kepada kumpulan pertengahan dan berpendapatan tinggi serta warga asing;
- o Hampir 70.0% daripada subsidi LPG digunakan bagi tujuan perniagaan;
- o Malaysia mencatat penggunaan petrol per kapita yang tertinggi di rantau ini;
- o Perniagaan dan industri juga menggunakan gula dua kali ganda sama seperti isi rumah;
- o Penggunaan gula yang berlebihan membawa kepada peningkatan obesiti dan diabetes; dan
- o Terdapat ketirisan yang ketara bagi gula dan petrol yang diberi subsidi melalui kegiatan penyeludupan.

Kesimpulan

Subsidi masih merupakan satu daripada instrumen dasar yang perlu dilaksanakan secara berhemat bagi tujuan dan tempoh tertentu yang khusus. Kerajaan kekal komited ke arah merasionalisasikan subsidi tetapi pada masa yang sama perkhidmatan kritikal seperti pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan pengangkutan udara serta keretapi di luar bandar akan terus diberikan subsidi. Golongan miskin dan mudah terjejas akan terus menerima bantuan melalui pengukuhan jaringan keselamatan sosial. Kesan subsidi akan terus dipantau bagi memastikan ia tidak mendorong kepada herotan pasaran dan pengagihan sumber yang tidak menepati sasaran.

¹ Harga bagi RON95 dan RON97 dinaikkan sebanyak 5 sen serta 25 sen kepada RM1.80 dan RM2.05 seliter, pada September 2009.

Keutamaan akan terus diberikan kepada inisiatif untuk mencapai pengeluaran makanan yang mencukupi, meningkatkan produktiviti dalam sektor makanan serta menstabilkan harga barang makanan keperluan asas. Pada tahun 2010, sejumlah RM1.8 bilion akan dibelanjakan untuk subsidi (RM1.1 bilion) dan insentif (RM629 juta) bagi membantu para petani, nelayan dan usahawan ternakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan.

Program bantuan sosial diperuntukkan RM9.4 bilion pada tahun 2010. Daripada jumlah ini, RM7.3 bilion diperuntukkan bagi biasiswa di semua peringkat pendidikan dan program bantuan pendidikan. Ini termasuk program pemakanan dan baucar tuisyen di sekolah dan tadika serta sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (RM400 juta). Biasiswa dan bantuan kewangan berjumlah RM4.7 bilion juga disalurkan kepada pelajar, pelatih di pusat latihan kemahiran dan bagi pembangunan kerjaya profesional.

Komponen program bantuan sosial lain termasuk pelbagai bentuk bantuan kewangan (RM2.1 bilion) disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan miskin, warga emas, orang kurang upaya dan golongan mudah terjejas. Di samping itu, sejumlah RM751 juta disediakan di bawah NKRA bagi program isi rumah berpendapatan rendah. Peruntukan ini akan diguna untuk melaksanakan langkah membasmi kemiskinan tegar serta mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.6% pada tahun 2007 kepada 2.8% pada tahun 2010. Inisiatif ini termasuk agihan bantuan kebajikan pada hari pertama setiap bulan, menyediakan sokongan untuk meningkatkan pemilikan rumah melalui jualan atau sewaan serta aktiviti yang menjana pendapatan berterusan dan menggalakkan produktiviti golongan miskin. Sementara itu, bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli, sejumlah RM36 juta disediakan untuk program input pertanian, biasiswa, pendidikan, kebajikan dan bantuan pemakanan.

Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 15.5% perbelanjaan mengurus dijangka menguncup

10.6% kepada RM23.6 bilion (2009: 16.8%; 4.7%; RM26.4 bilion) selaras dengan langkah pentadbiran yang berterusan untuk mengurangkan pembaziran. Komponen utama perbelanjaan ini terdiri daripada bayaran khidmat profesional dan perkhidmatan lain, pembaikan dan penyelenggaraan serta bekalan dan sewaan. Perbelanjaan lain termasuk bayaran komunikasi dan utiliti, perjalanan serta makanan dan minuman.

Bayaran khidmat hutang yang merupakan perbelanjaan tanggungan dijangka kekal terurus pada RM15.9 bilion atau 10.4% daripada perbelanjaan mengurus (2009: RM14.2 bilion; 9.1%). **Geran kepada badan berkanun** terutamanya bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan dijangka kekal stabil pada RM11.9 bilion (2009: RM12 bilion). Sejumlah 21 IPTA dan tiga hospital pengajar, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LHDN menerima peruntukan yang besar RM9.2 bilion atau 77.2% daripada jumlah keseluruhan geran. Sementara itu, RM10.8 bilion disediakan untuk **pencen dan ganjaran**. Jumlah ini termasuk bantuan khas kewangan RM500 yang dibayar kepada 590,000 pesara Kerajaan pada bulan September (RM295 juta). **Geran dan pindahan kepada kerajaan negeri** berjumlah RM4.9 bilion manakala peruntukan bagi **perolehan aset** menguncup ketara 62.6% kepada RM966 juta (2009: RM4.9 bilion; -9.0%; RM2.6 bilion) selaras dengan langkah penjimatan untuk mengawal perbelanjaan.

Perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat 9.1% kepada RM54 bilion pada tahun 2010 (2009: 15.6%; RM49.5 bilion) iaitu peruntukan tertinggi setakat ini. Peningkatan dalam perbelanjaan adalah disebabkan oleh suntikan fiskal secara langsung sebanyak RM5 bilion di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua serta komitmen baru di bawah empat NKRA iaitu mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar, pengangkutan awam bandar, isi rumah berpendapatan rendah dan mengurangkan jenayah. Pelaksanaan projek akan dipercepatkan memandangkan tahun 2010 merupakan tahun terakhir bagi Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMKe-9). Berdasarkan peruntukan mengikut sektor, perkhidmatan ekonomi kekal sebagai penerima terbesar (50.2%) diikuti oleh perkhidmatan sosial (39.2%), keselamatan (7.2%) dan pentadbiran am (3.3%).

Jumlah peruntukan bagi sektor **perkhidmatan ekonomi** adalah RM27.1 bilion dan sebanyak RM7.9 bilion adalah untuk subsektor pengangkutan. Peruntukan ini bagi membiayai projek pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan dan jambatan, landasan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti serta infrastruktur luar bandar. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk pembinaan Lebuhraya *Trans - Eastern Kedah Hinterland*, Jalan Lingkaran Alor Setar – Tasik Pedu – Gurun, Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa II dari Jabur ke Kuala Terengganu serta menaik taraf Jalan Alor Setar – Kuala Nerang – Durian Burong. Projek landasan kereta api

dalam pembinaan termasuk landasan berkembar Ipoh – Padang Besar dan Seremban – Gemas. Lapangan terbang yang sedang dinaik taraf termasuk Kota Kinabalu (Fasa II) dan Kuching. Sementara itu, projek pembinaan, penyelenggaraan dan naik taraf jalan luar bandar dan kampung (RM1.2 bilion) di seluruh negara akan dipercepatkan bagi menyediakan infrastruktur yang lebih baik dan memacu pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar termasuk RM381 juta di bawah NKRA bagi meningkatkan infrastruktur asas luar bandar. Sebanyak 68.8% daripada peruntukan ini disalurkan untuk negeri Sarawak, Sabah, Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan.

Sejumlah RM712 juta diperuntukkan di bawah NKRA untuk pengangkutan awam bandar bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, terutamanya transit aliran ringan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar.

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2009 – 2011

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Perkhidmatan ekonomi	26,428	27,123	28,315	23.8	2.6	4.4	53.4	50.2	57.6
antara:									
Pertanian dan pembangunan luar bandar	5,508	3,136	836	31.6	-43.1	-73.3	11.1	5.8	1.7
Perdagangan dan perindustrian	5,592	4,711	9,621	22.1	-15.8	104.2	11.3	8.7	19.6
Pengangkutan	8,531	7,904	9,644	-7.4	-7.3	22.0	17.2	14.6	19.6
Perkhidmatan sosial	17,381	21,197	15,539	26.7	22.0	-26.7	35.1	39.2	31.6
antara:									
Pendidikan dan latihan	10,840	11,702	10,363	37.4	8.0	-11.4	21.9	21.7	21.1
Kesihatan	2,575	3,594	2,212	55.9	39.6	-38.5	5.2	6.7	4.5
Perumahan	1,420	1,181	903	-20.2	-16.9	-23.6	2.9	2.2	1.8
Keselamatan	3,956	3,914	4,373	-31.5	-1.1	11.7	8.0	7.2	8.9
Pentadbiran am	1,749	1,809	955	-12.5	3.4	-47.2	3.5	3.3	1.9
Jumlah	49,515	54,042	49,182	15.6	9.1	-9.0	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	7.3	7.0	5.9						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Projek yang dirancang termasuk menambah baik kemudahan stesen komuter KTMB, menaik taraf sistem kutipan tambang automatik dan sistem maklumat pengangkutan bersepadu (ITIS), menambah baik sistem pengangkutan bas, membina lorong bas serta *park-and-ride*. Kamera litar tertutup (CCTV) dan sistem pengesanan kedudukan global (GPS) juga akan diperolehi bagi meningkatkan pengawasan dan menjamin keselamatan awam. Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada Jun 2010 sebagai badan pengawal tunggal bagi semua pengangkutan awam darat merupakan permulaan yang baik bagi perkembangan menyeluruh sistem pengangkutan awam bersepadu. SPAD yang akan mengambil alih peranan lebih 13 jabatan kerajaan dan agensi ditugaskan untuk membangun dan melaksanakan plan induk bagi memastikan penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas di seluruh negara, bermula dengan Lembah Klang. Kerajaan mensasarkan peningkatan penggunaan mod pengangkutan awam di bawah inisiatif *Greater KL* (Lembah Klang) kepada 30.0% menjelang tahun 2015 berbanding 12.0% pada tahun 2009.

Di bawah subsektor perdagangan dan perindustrian, peruntukan sebanyak RM4.7 bilion telah disediakan bagi projek utama seperti menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian, membiayai pelaburan strategik, pembangunan kemahiran dan keusahawanan serta program pembangunan vendor bagi sektor automotif. Pembangunan usahawan tempatan, khususnya usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan diberi keutamaan memandangkan PKS adalah tulang belakang ekonomi yang merupakan 99.2% daripada keseluruhan perniagaan. Akses kepada sumber pembiayaan serta khidmat perundingan dan teknikal dalam pembangunan produk, pemasaran, kemahiran dan peningkatan teknologi akan dipermudahkan. Bagi tujuan ini, 79 dana PKS dan geran yang diuruskan oleh pelbagai agensi telah diperkemas kepada 33 dana dan diselaraskan oleh SME Corp. Selain itu, sebanyak RM506 juta diberikan kepada SME Corp untuk pinjaman mudah, peningkatan keupayaan serta

penjenamaan dan promosi. Dana juga akan disalurkan kepada perbadanan pembangunan ekonomi negeri dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan.

Pembangunan koridor akan dipercepatkan dan peruntukan sebanyak RM3.4 bilion disediakan bagi pembangunan infrastruktur yang menyeluruh serta projek khas di lima wilayah koridor. Projek koridor akan membuka banyak peluang kepada pelaburan baru, mewujudkan peluang pekerjaan, menggalakkan pemindahan kemahiran dan teknologi serta pembangunan industri tempatan dan memupuk kemahiran keusahawanan.

Kemudahan dan infrastruktur berkaitan pelancongan akan dinaik taraf, manakala peruntukan akan disediakan bagi pembangunan bersepadu serta mempromosikan produk pelancongan sedia ada dan baru seperti eko-pelancongan, agro-pelancongan, pelancongan pendidikan dan kesihatan. Aktiviti promosi secara intensif akan dilaksanakan bagi menggalakkan penyertaan yang meluas dalam program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan *homestay* serta acara antarabangsa seperti *Sepang Grand Prix Fest*, Pesta Air Nasional dan *Rain Forest EcoChallenge*. Produk pelancongan yang berinovatif untuk menggalakkan ketibaan pelancong akan dipergiatkan, termasuk mempromosi kepelbagaian budaya dan masakan terkenal Malaysia di luar negara serta kerja seni oleh artis tempatan yang berbakat seperti yang ditunjukkan dalam *1Malaysia Contemporary Art Tourism 2010* (MCAT) di Kuala Lumpur pada Julai 2010. Selain itu, kempen *Fabulous Food 1Malaysia* yang diadakan selama 3 bulan pada hujung tahun 2010 akan mempromosikan makanan tempatan terbaik yang terdapat di Malaysia. Terimaan daripada 24 juta pelancong pada tahun 2010 dijangka berjumlah RM59.2 bilion.

Subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar merangkumi 5.8% atau RM3.1 bilion daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2009: 11.1%; RM5.5 bilion). Usaha akan dipergiatkan bagi membangun dan mengkomersial subsektor

ini melalui penerapan kaedah pertanian moden dan amalan terbaik pertanian, meningkatkan aktiviti nilai tambah, menaik taraf infrastruktur, pendekatan pemasaran secara inovatif serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Projek yang dijalankan termasuk menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran untuk meningkatkan aktiviti penanaman padi, melaksanakan projek empangan Paya Peda di Terengganu bagi memudahkan penanaman padi di Besut dan membangunkan industri perladangan makanan seperti penanaman buah-buahan, sayur-sayuran, rumpai laut dan herba. Industri akuakultur akan dipermodenkan dengan tumpuan khusus diberi kepada pengeluaran anak ikan dan ikan hiasan, manakala skim latihan keusahawanan akan dilaksana bagi menggalakkan lebih ramai belia menjadi penternak akuakultur. Perkhidmatan pengembangan pertanian dan program latihan kemahiran akan diperkukuhkan bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti perladangan serta menarik dan melatih lebih ramai belia dan graduan menjadi usahawan tani yang berjaya. Peruntukan juga diberi bagi meningkatkan taraf hidup penduduk miskin luar bandar di Sabah dan Sarawak, pembangunan tanah dan wilayah, meningkatkan infrastruktur asas di ladang, menaik taraf sistem pengairan dan saliran serta menjalankan projek tebatan banjir.

Perbelanjaan bagi subsektor kemudahan awam, tenaga dan komunikasi dijangka sebanyak RM4.7 bilion atau 8.7% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2009: RM3.5 bilion; 7.1%). Bagi mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar, keutamaan akan diberi untuk meningkatkan kemudahan awam seperti bekalan air bersih dan elektrik tanpa gangguan, telekomunikasi serta perkhidmatan pembetulan di kawasan luar bandar. Sejumlah RM200 juta turut disediakan untuk bekalan elektrik luar bandar di bawah NKRA bagi meningkatkan infrastruktur asas terutamanya di Sabah dan Sarawak. Akses kepada kemudahan awam juga akan diperluas dan dinaik taraf di kawasan bandar. Projek lain yang turut dilaksanakan termasuk mempercepat pelaksanaan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan bandar, menaik taraf perkhidmatan Pusat

Panggilan Kecemasan (999) serta meningkatkan kualiti perkhidmatan meteorologi.

Sektor **perkhidmatan sosial** diperuntukkan RM21.2 bilion (2009: RM17.4 bilion) dengan peruntukan tertinggi iaitu sebanyak RM11.7 bilion disalurkan kepada subsektor pendidikan dan latihan. Keutamaan akan diberi kepada pendidikan dan latihan yang merupakan komponen penting bagi mentransformasikan negara menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berteraskan inovasi. Pembelajaran sepanjang hayat juga digalakkan untuk meningkatkan peluang bagi memperoleh pekerjaan. Peruntukan ini adalah untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan, R&D, meningkatkan kualiti program latihan serta menaik taraf dan menyelenggara peralatan di universiti, politeknik, pusat latihan kemahiran, kolej komuniti dan latihan perguruan. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk menaik taraf dan membesarkan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Projek dan program bagi memenuhi keperluan industri untuk mendapatkan pekerja mahir dalam semua bidang akan dipercepatkan. Politeknik yang sedang dalam pembinaan, penaiktarafan atau pembesaran termasuk di Mersing, Nilai, Muadzam Shah dan Mukah (Sarawak). Projek yang masih dalam pembinaan juga termasuk Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di Taiping, Bintulu, Jerantut dan Kemaman serta institut latihan industri di Marang, Miri, Kepala Batas dan Nibong Tebal. Bagi meluaskan akses kepada kemudahan pendidikan pada kos yang berpatutan dan berkualiti, sistem persekolahan akan diperkukuh dengan peruntukan yang besar diberi kepada pendidikan prasekolah (RM11 juta), rendah (RM1.5 bilion) dan menengah (RM1.8 bilion).

Peruntukan bagi subsektor kesihatan merupakan yang kedua terbesar iaitu sebanyak RM3.6 bilion atau 6.7% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan adalah untuk pembinaan, penaiktarafan dan penyelenggaraan hospital dan klinik kesihatan,

pembelian peralatan perubatan dan kesihatan serta penambahbaikan sistem teknologi maklumat hospital dan latihan kepada kakitangan perubatan. Projek utama dalam pelaksanaan termasuk pembinaan, penaiktarafan atau pembesaran hospital di Kota Bharu, Tampoi, Kluang, Cheras, Tampin, Rompin, Batu Pahat, Pusat Perubatan Sabah serta Kolej Sains Kesihatan Bersekutu di Ulu Kinta dan Johor Bahru. Sebanyak 51 buah klinik 1Malaysia telah ditubuhkan dengan peruntukan RM10 juta, antaranya di kawasan Sibu, Tawau, Bukit Mertajam, Teluk Intan, Kulim dan Marang bagi menyediakan kemudahan asas kesihatan kepada penduduk bandar yang miskin. Akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan luar bandar akan terus diperkukuh melalui penambahbaikan kemudahan kesihatan dan pergigian di seluruh negara.

Subsektor perumahan diperuntukkan sebanyak RM1.2 bilion bagi pembinaan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan memenuhi keperluan perumahan kakitangan awam termasuk kakitangan beruniform. Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan PPR Bersepadu akan dipercepat sementara projek perumahan terbengkalai akan dibaik pulih. Jabatan Perumahan Negara (JPN) dijangka menyiapkan pembinaan 2,618 unit PPR Disewa dan PPR Dimiliki menjelang akhir tahun 2010. Selain itu, 4,990 unit di 20 projek perumahan terbengkalai akan dibaik pulih. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga membaik pulih 4,951 unit melibatkan 16 projek terbengkalai di bawah pakej rangsangan ekonomi pertama. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat, sebanyak 44,000 unit rumah kos rendah akan ditawarkan untuk penjualan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan JPN.

Selain daripada subsektor kesihatan, pendidikan dan perumahan, peruntukan juga disediakan bagi meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan di peringkat kerajaan tempatan (RM2.8 bilion), pembangunan masyarakat dan desa (RM1.3 bilion), perkhidmatan kebajikan masyarakat (RM26 juta) serta kebudayaan, belia dan sukan

(RM369 juta). Perbelanjaan ini terutamanya bagi pengurusan sisa pepejal (RM705 juta), perkhidmatan bomba (RM567 juta), kebajikan warga emas dan golongan mudah terjejas, menaik taraf dan membina kemudahan taman dan rekreasi serta projek pembersihan sungai dan tebatan banjir. Peruntukan juga disediakan bagi membaik pulih dan membina rumah baru untuk golongan mudah terjejas di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak di bawah program NKRA untuk meningkatkan infrastruktur asas luar bandar (RM401 juta). Bagi meningkatkan taraf sosioekonomi golongan miskin luar bandar, peruntukan juga disediakan untuk pembangunan masyarakat dan desa dengan keutamaan diberikan kepada skim pembangunan luar bandar dan program bagi mempromosi pendidikan, latihan kemahiran dan aktiviti yang menjana ekonomi. Program penjanaan pendapatan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin tegar di luar bandar akan diteruskan melalui Skim Program Lonjakan Mega (RM141 juta) di Sabah (Pulau Banggi), Sarawak (Batang Sadung dan Batang Lupar) dan Pahang (Tanjung Gahai dan Chemomoi). Projek di bawah 1Azam Niaga dan 1Azam Khidmat (RM320 juta) turut mempromosi pembangunan perniagaan kecil, keusahawanan dan kemahiran di kalangan golongan miskin. Kerajaan akan terus membantu komuniti Orang Asli untuk turut terlibat dalam arus perdana pembangunan. Sehubungan itu, sebanyak RM42 juta akan disalurkan bagi membina penempatan, menyediakan input pertanian kepada petani dan nelayan serta menyediakan peralatan perniagaan kepada usahawan.

Perbelanjaan bagi sektor **keselamatan** dianggar RM3.9 bilion atau 7.2% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (2009: RM4 bilion; 8.0%). Daripada jumlah ini, RM2.7 bilion disalurkan kepada subsektor pertahanan manakala RM1.2 bilion adalah untuk keselamatan dalam negeri. Peruntukan ini akan digunakan untuk membeli dan menaik taraf kelengkapan, meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan serta kapasiti dan keupayaan anggota beruniform melalui latihan dan peningkatan kemahiran.

JADUAL 4.5

**Pembiayaan Kerajaan Persekutuan
2009 – 2010**

	RM juta		Bahagian (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Pinjaman kasar	93,951	64,986	100.0	100.0
Dalam negeri	93,500	60,499	99.5	93.1
Terbitan Pelaburan	33,500	23,399	35.7	36.0
Sekuriti Kerajaan	60,000	37,100	63.9	57.1
Luar negara	451	4,487	0.5	6.9
Pinjaman pasaran	-	4,047	-	6.2
Pinjaman projek	451	440	0.5	0.7
Bayaran balik	43,358	24,794	100.0	100.0
Dalam negeri	36,621	23,975	84.5	96.7
Luar negara	6,737	820	15.5	3.3
Pinjaman bersih	50,593	40,191		
Dalam negeri	56,879	36,524		
Luar negara	-6,286	3,667		
Perubahan aset²	-3,169	3,147		
Jumlah	47,424	43,338		

¹ Anggaran.² (+) bererti penggunaan harta.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Pentadbiran am diperuntukkan RM1.8 bilion (2009: RM1.7 bilion) selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti sistem penyampaian sektor awam. Keutamaan diberi bagi meningkatkan sistem pengkomputeran di jabatan kerajaan serta pembangunan dan penggunaan aplikasi e-Kerajaan yang lebih meluas dalam sektor awam. Peruntukan juga disediakan bagi pengambilan balik tanah, bangunan dan kelengkapan serta pengubahsuaian, membaik pulih dan penyelenggaraan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan seperti kuarters, mahkamah dan institut latihan. Sebanyak RM20 juta juga disalurkan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan teknikal berkaitan ukur dan pemetaan.

Pembiayaan

Sebahagian besar pinjaman daripada sumber domestik...

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dijangka menurun disebabkan bayaran balik pinjaman, penebusan dan keperluan pembiayaan defisit yang lebih rendah. Kadar tabungan yang tinggi, inflasi yang rendah dan kedudukan lebih baik akaun semasa imbalan pembayaran yang baik, menyediakan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan, membolehkan Kerajaan terus membuat pinjaman daripada sumber domestik tanpa menjejaskan peluang sektor swasta untuk mendapatkan pinjaman. Dengan jumlah hasil lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, keseluruhan pinjaman yang dibuat adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.

Jumlah pinjaman kasar dianggarkan sebanyak RM65 bilion pada tahun 2010. Daripada jumlah ini, RM60.5 bilion merupakan pinjaman dalam negeri manakala RM4.5 bilion adalah daripada sumber luar negara. Sebanyak RM24.8 bilion daripada jumlah pinjaman kasar akan digunakan untuk bayaran balik hutang sedia ada dan baki RM40.2 bilion bagi pembiayaan defisit.

Pada tahun 2010, RM37.1 bilion akan diperoleh daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Daripada jumlah keseluruhan terbitan SKM, tiga terbitan baru berjumlah RM9 bilion akan diperoleh melalui tender terbuka. Bakinya sebanyak RM28.1 bilion akan diperoleh melalui terbitan semula lapan SKM sedia ada termasuk satu melalui tawaran persendirian berjumlah RM2 bilion. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, kadar kupon untuk terbitan baru SKM bagi tempoh matang 5 dan 10 tahun adalah di antara 3.84% hingga 4.38% setahun. SKM kekal sebagai sumber pembiayaan terbesar meliputi 61.3% daripada jumlah pinjaman kasar dalam negeri.

Kerajaan juga dijangka menerbitkan enam Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) baru berjumlah RM21 bilion pada tahun 2010, termasuk satu terbitan melalui tawaran persendirian berjumlah RM3 bilion. Berikutan sambutan yang memberangsangkan terhadap bon simpanan berlandaskan Syariah berjumlah RM5 bilion yang diterbitkan di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua pada tahun 2009, sukuk 1Malaysia telah diterbitkan pada Jun 2010 dengan langganan sebanyak RM2.4 bilion, melibatkan 74,781 pelabur. Sukuk ini menyediakan instrumen simpanan yang menarik untuk rakyat dalam persekitaran kadar faedah yang rendah dengan tempoh matang selama 3 tahun dan kadar pulangan 5.0% setahun yang dibayar pada setiap suku tahun. Sukuk runcit ini boleh dibeli dan dijual sebelum tempoh matang di bank yang terpilih.

Pada akhir Jun 2010, pemegang utama SKM dan TPK kekal dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak 36.5%, institusi perbankan (20.7%), pemilik asing (18.2%) dan syarikat insurans (6.4%). Peratusan pegangan oleh pemilik asing dalam SKM dan TPK yang

mencatatkan peningkatan setiap tahun daripada hanya 4.5% pada tahun 2005 kepada 18.2% pada akhir Jun 2010 mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia. Terbitan berkala sekuriti Kerajaan telah menyediakan satu penanda aras bagi pulangan hasil yang membantu meluas dan meningkatkan kecairan dalam pembangunan pasaran modal domestik.

Jumlah pinjaman kasar luar negara meningkat untuk pertama kalinya sejak tahun 2006 kepada RM4.5 bilion berikutan penerbitan sukuk global dengan tempoh matang lima tahun oleh Kerajaan pada Mei 2010 berjumlah USD1.25 bilion atau RM4 bilion pada kadar 3.928%. Terbitan sukuk berdaulat ini bertujuan antaranya mempromosi Malaysia sebagai hab kewangan Islam global serta menetapkan satu penanda aras dolar AS sebagai panduan harga bagi perolehan dana korporat di peringkat antarabangsa. Bagi tahun ini, sejumlah RM440 juta akan diperolehi melalui pengeluaran sumber pinjaman dua hala (RM367 juta) dan pelbagai hala (RM72 juta) bagi membiayai projek dan program yang sedang dilaksana melibatkan pendidikan tinggi dan latihan serta perkhidmatan bekalan air dan pembetulan.

JADUAL 4.6

Hutang Kerajaan Persekutuan 2009 – 2010

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Hutang dalam negeri	348,600	390,724	96.2	95.7	51.3	50.4
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	1.2	1.1	0.6	0.6
Terbitan Pelaburan ²	70,910	88,711	19.6	21.7	10.4	11.4
Sekuriti Kerajaan	242,270	260,993	66.9	63.9	35.6	33.7
Tabung Pinjaman Perumahan	31,100	36,700	8.6	9.0	4.6	4.7
Hutang luar negara	13,786	17,454	3.8	4.3	2.0	2.3
Pinjaman pasaran	6,049	10,096	1.7	2.5	0.9	1.3
Pinjaman projek	7,738	7,357	2.1	1.8	1.1	0.9
Jumlah	362,386	408,178	100.0	100.0	53.3	52.7

¹ Anggaran.

² Termasuk bon simpanan berlandaskan Syariah RM5 bilion pada tahun 2009 dan sukuk runcit 1Malaysia pada tahun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Pengurusan Hutang Kerajaan Persekutuan

Latar belakang


Pengurusan hutang yang berhemat merupakan satu ciri utama dalam dasar fiskal negara. Ini adalah perlu bagi memastikan pembiayaan dan pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang dapat disempurnakan pada kos yang paling rendah bersesuaian dengan tahap risiko. Pengurusan hutang yang berkesan membolehkan Kerajaan mampu menanggung hutang, di samping turut menyumbang kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara. Sepanjang tempoh 40 tahun yang lalu, nisbah bayaran khidmat hutang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berada pada kadar purata 3.5%. Ini telah memberikan fleksibiliti dalam pelaksanaan dasar fiskal sepanjang tempoh kitaran ekonomi.

Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK yang berada pada kadar purata 47.0% dalam dekad 70-an telah meningkat melebihi 100% pada tahun 1986 dan 1987. Peningkatan ketara tersebut berpunca terutamanya daripada kesan kumulatif pertambahan perbelanjaan awam bagi melaksanakan projek pembangunan, pelaksanaan dasar fiskal mengembang untuk mengurangkan impak kelembapan ekonomi serta penguncupan kutipan hasil Kerajaan berikutan harga komoditi yang lebih rendah. Namun, mulai tahun 1987, nisbah hutang kepada KDNK berjaya dikurangkan secara beransur kepada paras terendah iaitu 31.9% pada tahun 1997, didorong oleh pemulihan ekonomi negara yang pantas, pelaksanaan dasar fiskal berhemat serta pengurusan hutang yang berkesan. Dalam tempoh tersebut, strategi untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, termasuk penyusunan semula sektor awam dan penswastan agensi Kerajaan, telah meningkatkan hasil dan mengekang pertambahan perbelanjaan. Ini telah membolehkan Malaysia mencatat lebihan fiskal di antara tahun 1993 dan 1997.

Bermula dengan krisis kewangan Asia 1997/1998 dan diikuti oleh beberapa peristiwa seperti 11 September, kejatuhan mendadak syarikat berkaitan dot-com dalam tahun 2001, peperangan di Iraq dan penularan wabak sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS) dalam tahun 2003 telah mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan sekali lagi telah melaksanakan dasar fiskal mengembang bagi mengurangkan impak kelembapan ekonomi dan kejatuhan dalam pelaburan swasta. Namun begitu, usaha konsolidasi defisit fiskal terus dilaksanakan, dengan defisit berkurang daripada 5.5% pada tahun 2000 kepada 3.2% pada tahun 2007 dan nisbah hutang kepada KDNK berada pada purata 42.2% dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, berikutan krisis

CARTA 1

Hutang Kerajaan Persekutuan 1970 - 2009



kewangan global dan kelembapan ekonomi pada tahun 2008/2009, Kerajaan telah melaksanakan dua pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM67 bilion (9.9% daripada KDNK) untuk mengurangkan impak terhadap ekonomi negara. Ini menyebabkan defisit fiskal dan nisbah hutang kepada KDNK meningkat kepada 7.0% dan 53.3% pada tahun 2009.

Peraturan dan Garis Panduan Fiskal

Pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan kepada beberapa peraturan dan garis panduan, terutamanya berkaitan dengan pinjaman. Artikel 111 Perlembagaan Persekutuan hanya membenarkan kerajaan negeri untuk meminjam daripada Kerajaan Persekutuan, selaras dengan keperluan untuk mengawal peningkatan kredit yang merupakan faktor utama dalam mengawal inflasi dan meningkatkan guna tenaga. Peraturan di bawah pelbagai Akta juga menghadkan pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan. Di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, hutang luar Kerajaan Persekutuan dihadkan kepada RM35 bilion melalui perintah yang diwartakan di bawah akta berkenaan, bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko kadar pertukaran asing. Seterusnya, gabungan jumlah hutang dalam negeri terkumpul di bawah kedua-dua Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dihadkan kepada 55% daripada KDNK, khusus untuk perbelanjaan pembangunan. Sementara itu, Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946, menghadkan jumlah maksimum semasa Bil Perbendaharaan yang boleh dikeluarkan dan terkumpul pada satu-satu masa pada paras RM10 bilion. Peraturan ini memastikan amalan pengurusan hutang mengambil kira keperluan pembiayaan jangka panjang, keseimbangan profil kematangan hutang, pendedahan kepada mata wang asing dan keperluan pelabur terhadap sekuriti kerajaan. Had yang ditetapkan di bawah pelbagai Akta tersebut memberikan parameter umum dalam menentukan paras dan komposisi hutang.

Sebagai tambahan kepada perundangan yang menghadkan pinjaman, terdapat beberapa garis panduan pentadbiran untuk mengukuhkan lagi disiplin dalam pengurusan kewangan. Ini termasuk memastikan perbelanjaan mengurus tidak melebihi anggaran hasil bagi memastikan lebihan semasa dalam akaun kewangan Kerajaan. Seterusnya, lebihan tersebut akan digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan sebarang kekurangan dibiayai melalui pinjaman. Garis panduan ini memastikan perbelanjaan mengurus dibiayai melalui hasil, sementara pinjaman hanya digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Selain itu, untuk memperkukuh disiplin dalam pengurusan fiskal, bayaran khidmat hutang yang dikira sebagai perbelanjaan tanggungan diberi keutamaan berbanding perbelanjaan lain. Ini menjamin pembayaran faedah kepada pemegang sekuriti dan memastikan Kerajaan memenuhi obligasi hutangnya.

Hutang Kerajaan Persekutuan: Kedudukan Semasa

Pada akhir tahun 2009, 96.2% daripada hutang Kerajaan Persekutuan adalah dalam mata wang ringgit, manakala bakinya dalam mata wang asing, terutamanya dolar AS dan yen. Berikutan kecairan yang tinggi dalam sistem kewangan, Kerajaan berupaya untuk mendapatkan pembiayaan domestik pada kos yang berpatutan seperti yang dicerminkan oleh keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang hampir mendatar dalam tempoh lima tahun yang lepas. Di samping itu, sebahagian besar daripada jumlah hutang Kerajaan iaitu kira-kira 36% yang dipegang oleh entiti sektor awam seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah menyediakan sumber pembiayaan yang stabil dan mengurangkan risiko hutang berulang.


Keupayaan Kerajaan dalam mengurus tanggungan hutang dikukuhkan lagi dengan trend nisbah bayaran khidmat hutang kepada hasil yang terus menurun daripada 14.6% pada tahun 2000 kepada 8.0% pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, nisbah ini meningkat sedikit kepada 9.0% pada tahun 2009 berikutan penguncupan hasil, kesan daripada krisis ekonomi. Keyakinan pelabur terhadap tahap kredit Malaysia yang kukuh dan pengurusan fiskal secara berhemat terbukti apabila penerbitan sukuk berdaulat 5-tahun yang dilancarkan pada 27 Mei 2010 menerima lebihan langganan. Ini merupakan satu pencapaian yang cemerlang memandangkan persekitaran pasaran global yang tidak menentu dan mencabar.

Kesimpulan

Kerajaan Persekutuan telah merumuskan beberapa strategi dan langkah untuk mewujudkan ruang fiskal yang sewajarnya bagi menghadapi krisis pada masa hadapan serta merencanakan lagi usaha mengukuhkan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini termasuk meningkatkan hasil, kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan serta menambahbaik iklim perniagaan melalui program transformasi nasional. Usaha ini membuktikan komitmen Kerajaan terhadap paras hutang yang berhemat dan mapan bagi memastikan fleksibiliti fiskal dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

CARTA 4.2

Hutang Luar Negara Kerajaan Persekutuan Mengikut Mata Wang

¹ Anggaran disemak.² Termasuk pound sterling dan euro.

Nota: Angka di dalam carta bar merupakan % daripada jumlah.

Hutang

Hutang Kerajaan Persekutuan meningkat...

Kerajaan akan melaksanakan dasar makroekonomi yang baik dan memastikan strategi pengurusan hutang yang berhemat supaya paras hutang kekal terurus. Pada tahun 2010, hutang Kerajaan Persekutuan sebagai peratus kepada KDNK dijangka berkurang kepada 52.7% (2009: 53.3%) manakala hutang negara dijangka terus menunjukkan penurunan kepada 28.6% daripada KDNK pada akhir Jun 2010 (akhir 2009: 34.3%).

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM408.2 bilion (2009: RM362.4 bilion) terutamanya disebabkan peningkatan pinjaman untuk memenuhi keperluan pembiayaan. Walaupun paras hutang telah meningkat dalam beberapa tahun yang lepas, kemampuan membayar balik hutang kekal kukuh sementara bayaran khidmat hutang masih berada dalam had yang berhemat. Jumlah bayaran khidmat hutang kekal terurus pada 9.8% daripada hasil (2009: 9.0%). Di samping itu, hutang luar Kerajaan Persekutuan yang sebahagian besarnya dalam mata wang

JADUAL 4.7

Hutang Negara 2009 – 2010

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Hutang jangka sederhana dan panjang	155,376	149,593	66.6	67.5	22.9	19.3
Sektor awam	85,386	85,370	36.6	38.5	12.6	11.0
Kerajaan Persekutuan	13,786	17,092	5.9	7.7	2.0	2.2
PABK	71,600	68,278	30.7	30.8	10.5	8.8
Dijamin	13,261	12,446	5.7	5.6	2.0	1.6
Tidak dijamin	58,339	55,832	25.0	25.2	8.6	7.2
Sektor swasta	69,990	64,222	30.0	29.0	10.3	8.3
Hutang jangka pendek	77,760	72,148	33.4	32.5	11.4	9.3
Jumlah	233,136	221,741	100.0	100.0	34.3	28.6

¹ Akhir Jun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

dolar AS dan yen dijangka mencatat peningkatan 26.6% kepada RM17.5 bilion atau 2.3% daripada KDNK (2009: -32.1%; RM13.8 bilion; 2.0%) berikutan penerbitan sukuk global.

Hutang negara yang terdiri daripada hutang luar Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta berkurang kepada RM221.7 bilion pada akhir Jun 2010 (akhir 2009: RM233.1 bilion) berikutan bayaran balik bersih hutang jangka sederhana dan panjang serta hutang jangka pendek. Selain itu, jumlah hutang luar yang lebih rendah juga disokong oleh pengukuhan nilai ringgit dalam tempoh tersebut.

Hutang jangka sederhana dan panjang yang merangkumi 67.5% daripada hutang luar berkurangan 3.7% kepada RM149.6 bilion (akhir 2009: RM155.4 bilion) berikutan bayaran balik bersih oleh PABK dan sektor swasta. Hutang luar PABK berkurang kepada RM68.3 bilion (akhir 2009: RM71.6 bilion) didorong sebahagian besarnya oleh bayaran balik bersih oleh syarikat, khususnya dalam subsektor kewangan, insurans dan pengangkutan. Hutang sektor swasta juga menurun kepada RM64.2 bilion (akhir 2009: RM70 bilion) berikutan bayaran balik bersih yang dibuat oleh syarikat terutamanya dalam subsektor elektronik, utiliti dan pertanian. Sebaliknya, hutang luar Kerajaan Persekutuan meningkat 24.0% kepada RM17.1 bilion disebabkan oleh penerbitan sukuk global. Sebahagian besar jumlah keseluruhan hutang luar jangka sederhana dan panjang yang terdiri daripada hutang PABK (45.6%), sektor swasta (42.9%) dan Kerajaan Persekutuan (11.4%) adalah dalam mata wang dolar AS dan yen.

Pada masa yang sama, hutang luar jangka pendek berkurang 7.2% kepada RM72.1 bilion (akhir 2009: -2.4%; RM77.8 bilion) disebabkan terutamanya oleh pinjaman antara bank yang sederhana dan bayaran balik bersih pinjaman oleh sektor swasta bukan perbankan serta pengukuhan dalam tukaran wang asing. Sektor perbankan (RM64.6 bilion) kekal sebagai pemilik utama hutang jangka pendek manakala selebihnya oleh sektor swasta bukan perbankan (RM7.4 bilion) dan PABK (RM101 juta). Pada akhir

Jun 2010, nisbah khidmat hutang luar kekal rendah pada 7.6% mencerminkan pendapatan eksport yang kukuh untuk membayar tanggungan khidmat hutang luar, manakala rizab antarabangsa yang berjumlah RM309.8 bilion (USD94.8 bilion) adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung 4.4 kali hutang luar jangka pendek.

Kerajaan Negeri

Akaun semasa yang lebih kukuh...

Kerajaan negeri dijangka menanggung komitmen yang lebih tinggi untuk merangsang pembangunan ekonomi berikutan kelembapan ekonomi global, di samping terus berusaha bagi mengukuhkan kedudukan fiskal. Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dijangka mencatat lebihan semasa yang lebih kukuh berjumlah RM8.1 bilion (2009: RM7.2 bilion) meskipun terdapat

JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2009 – 2010

	RM juta		Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Akaun Semasa				
Hasil	15,233	18,101	-11.2	18.8
Perbelanjaan mengurus	8,046	9,959	-1.9	23.8
Baki akaun semasa	7,187	8,143		
Akaun Pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	6,915	7,995	-5.1	15.6
Kumpulan wang pembangunan	6,551	7,625	-3.7	16.4
Kumpulan wang bekalan air	363	370	-24.4	1.8
Tolak: Terimaan balik pinjaman	290	96	-6.8	-67.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	6,625	7,899	-5.0	19.2
Baki keseluruhan	563	244		
% kepada KDNK	0.1	0.03		

¹ Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

peningkatan dalam perbelanjaan mengurus. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan kerajaan negeri secara keseluruhan dijangka mencatat lebih kecil berjumlah RM244 juta (2009: RM563 juta) disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.

Jumlah hasil negeri merangkumi cukai langsung dan tidak langsung, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil daripada Kerajaan Persekutuan. Selaras dengan prospek pertumbuhan yang lebih baik, jumlah hasil dijangka melonjak 18.8% kepada RM18.1 bilion. Daripada jumlah ini, RM16 bilion atau 88.6% akan dijana daripada sumber hasil negeri (2009: RM11.8 bilion; 77.8%) manakala bakinya terdiri daripada geran dan bayaran balik daripada Kerajaan Persekutuan. Royalti daripada petroleum dan perhutanan, cukai berasaskan tanah, dividen dan faedah atas pelaburan serta premium tanah adalah penyumbang utama kepada hasil negeri, merangkumi 46.7% (2009: 51.7%) daripada jumlah keseluruhan. Sumber hasil yang lain termasuk fi lesen dan permit, sewaan, terimaan daripada penyediaan barangan dan perkhidmatan serta denda dan penalti.

Geran dan bayaran balik daripada Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM2.1 bilion (2009: RM3.4 bilion) terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur, sosial dan kemudahan awam.

Jumlah perbelanjaan dijangka bertambah 20.0% kepada RM18 bilion (2009: -3.4%; RM15 bilion) disebabkan oleh perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus yang merangkumi 55.5% daripada jumlah perbelanjaan dijangka meningkat 23.8% kepada RM10 bilion (2009: 53.8%; -1.9%; RM8 bilion). Peningkatan ketara ini disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset yang mencakupi 63.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan pembangunan juga dijangka meningkat 15.6% kepada RM8 bilion (2009: -5.1%; RM6.9 bilion) untuk membiayai pembangunan luar bandar dan pertanian, perumahan, kemudahan awam, pengairan dan saliran, projek bekalan air serta menaik taraf infrastruktur fizikal bagi menyokong aktiviti perniagaan dan industri.

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan 2009 – 2011

	RM juta			Perubahan (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Akaun semasa						
Hasil	185,354	185,509	191,233	-2.3	0.1	3.1
Perbelanjaan mengurus	170,758	168,521	179,539	2.7	-1.3	6.5
Baki akaun semasa	14,596	16,988	11,694			
Perbelanjaan pembangunan	54,855	57,380	54,822	8.0	4.6	-4.5
Baki keseluruhan	-40,259	-40,392	-43,128			
% kepada KDNK	-5.9	-5.2	-5.1			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2011.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sektor Kerajaan

Defisit lebih rendah...

Kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun dijangka mencatatkan defisit lebih rendah 5.2% kepada KDNK pada tahun 2010 (2009: -5.9%). Kedudukan yang stabil dalam anggaran hasil dan komitmen perbelanjaan telah menyebabkan penurunan defisit keseluruhan dalam prospek pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Pada tahun 2010, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM11.9 bilion dan RM4.9 bilion kepada badan berkanun dan kerajaan negeri dalam bentuk geran dan pindahan di bawah perbelanjaan mengurus.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Perbelanjaan lebih tinggi...

Hasil PABK disatukan dijangka melonjak 7.1% kepada RM348.8 bilion pada tahun 2010 (2009: -11.9%; RM325.8 bilion) selaras dengan pemulihan kukuh ekonomi domestik dan persekitaran luar yang lebih baik. Harga komoditi, jualan elektrik dan kenderaan yang lebih tinggi, peningkatan pulangan daripada pelaburan dan operasi di luar negara, pertambahan penumpang dan aktiviti berkaitan perdagangan dalam sektor pengangkutan serta pengembangan telekomunikasi dijangka akan merangsang pertumbuhan hasil. Penyumbang utama kepada hasil PABK disatukan termasuk PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Axiata Group Berhad, Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), Telekom Malaysia Berhad (TM) dan Proton Holdings Berhad.

Aktiviti ekonomi yang lebih rancak pada tahun 2010 dijangka meningkatkan kos operasi PABK. Perbelanjaan semasa disatukan dijangka meningkat 11.4% kepada RM306.5 bilion

JADUAL 4.10

Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹ 2009 – 2010

	RM juta		Perubahan (%)	
	2009	2010 ²	2009	2010 ²
Hasil	325,761	348,845	-11.9	7.1
Perbelanjaan semasa	275,006	306,467	-11.3	11.4
Lebihan semasa	50,755	42,377		
Perbelanjaan pembangunan	56,791	61,992	-23.1	9.2
Lebihan keseluruhan	-6,036	-19,615		
% kepada KDNK	-0.9	-2.5		

¹ Merujuk kepada 30 PABK utama.

² Anggaran disemak.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

(2009: -11.3%; RM275 bilion) disebabkan oleh kenaikan harga komoditi dan bahan mentah lain, kos latihan kepada pekerja, pemasaran, pembaikan dan penyelenggaraan serta penambahbaikan secara berterusan dalam produk dan penyampaian perkhidmatan. Walaupun pelbagai langkah terus diambil bagi meningkatkan kecekapan kos dan operasi, pertumbuhan perbelanjaan semasa dijangka melebihi hasil, menyebabkan lebihan semasa menurun sebanyak 16.5% kepada RM42.4 bilion (2009: -14.9%; RM50.8 bilion). PETRONAS, TNB, Axiata Group Berhad, TM dan UEM Group Berhad dijangka menjadi penyumbang utama kepada lebihan semasa.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan PABK juga dijangka meningkat 9.2% kepada RM62 bilion (2009: -23.1%; RM56.8 bilion) sejajar dengan keyakinan peniaga dan pengguna yang meningkat serta usaha untuk mengembangkan potensi pertumbuhan jangka panjang. Perbelanjaan ini terutamanya untuk menaik taraf dan membaiki pulih kemudahan sedia ada, menambah keupayaan serta mempertingkatkan produk dan perkhidmatan. Pelaburan dalam negeri yang merangkumi sebahagian besarnya perbelanjaan

pembangunan dijangka berjumlah RM46.7 bilion (2009: RM41.5 bilion) dan dilaburkan dalam industri minyak dan gas, sektor perladangan, tenaga elektrik, pengangkutan awam dan perumahan serta teknologi telekomunikasi. PABK terus membuat pelaburan di luar negara untuk mempelbagai dan mengukuhkan aktiviti perniagaan, meluaskan penguasaan pasaran, menjimatkan kos melalui pengeluaran berskala besar serta meningkatkan nilai pemegang saham. Pelaburan luar negara terutamanya adalah dalam industri minyak dan gas, telekomunikasi, perladangan, pembinaan dan harta tanah.

Walaupun pertumbuhan hasil kukuh, kedudukan kewangan PABK disatukan dijangka mencatat defisit lebih tinggi pada RM19.6 bilion (2009: -RM6 bilion) berikutan peningkatan ketara perbelanjaan semasa dan pembangunan. PABK memberikan sumbangan penting dalam pembentukan modal, mewujudkan peluang pekerjaan, pembangunan kemahiran serta membuat pelaburan strategik dalam bidang yang kurang memberi keuntungan secara komersial tetapi penting bagi pembangunan

dalam bidang khusus yang sesuai dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, bagi mendorong penglibatan sektor swasta, Kerajaan akan mengurangkan kepentingannya dalam aset yang bukan teras dan tidak kompetitif dalam PABK secara berperingkat seperti yang digariskan dalam Bajet 2010.

Sektor Awam Disatukan

Defisit lebih tinggi...

Kewangan sektor awam disatukan merangkumi akaun sektor Kerajaan dan PABK selepas mengambilkira pindahan dan pinjaman bersih. Pada tahun 2010, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat lebih rendah kepada RM59 bilion (2009: RM65 bilion) berikutan penurunan 6.9% dalam lebih semasa PABK. Seiring dengan perbelanjaan pembangunan yang meningkat ketara, kedudukan kewangan sektor awam disatukan dijangka mencatat defisit keseluruhan berjumlah RM60.1 bilion atau 7.8% daripada KDNK (2009: -RM46.4 bilion; -6.8%).

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2009 – 2011

	RM juta			Perubahan (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Hasil	133,957	132,777	138,605	4.4	-0.9	4.4
Perbelanjaan mengurus	170,250	168,032	176,803	3.2	-1.3	5.2
Lebih semasa PABK	101,217	94,245	93,190	-15.2	-6.9	-1.1
Baki semasa sektor awam	64,924	58,990	54,992			
Perbelanjaan pembangunan	111,282	119,079	118,518	-10.5	7.0	-0.5
Sektor kerajaan	54,490	57,087	54,769	7.9	4.8	-4.1
PABK	56,791	61,992	63,748	-23.1	9.2	2.8
Baki keseluruhan	-46,358	-60,089	-63,526			
% kepada KDNK	-6.8	-7.8	-7.6			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk perubahan cukai 2011.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Prospek 2011

Dasar fiskal menyokong transformasi ekonomi...

Meskipun prospek ekonomi negara maju pada tahun 2011 masih tidak menentu, ekonomi negara membangun dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih baik. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang kukuh pada kadar 5.0% - 6.0% didorong oleh kerancakan aktiviti pelaburan dan penggunaan dalam negeri serta perdagangan serantau yang terus berkembang. Aktiviti sektor swasta dijangka meningkat selaras dengan pertumbuhan menyeluruh di semua sektor, dipacu oleh inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang akan dilaksanakan secara agresif menepati jadual.

Walau bagaimanapun, pengurusan dasar fiskal dijangka lebih mencabar. Menyedari akan kepentingan transformasi ekonomi untuk menjana pertumbuhan yang lebih tinggi, tanggungan fiskal Kerajaan dijangka lebih besar berikutan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi membiayai inisiatif transformasi. Oleh itu, ini menjadi satu cabaran kepada Kerajaan untuk mengimbangi antara menyediakan sokongan fiskal bagi mencapai perubahan struktur jangka panjang dalam ekonomi dan memastikan kemapanan kedudukan kewangan sektor awam. Tumpuan Bajet 2011 adalah untuk menyegerakan pelaksanaan program dan projek seperti yang digariskan dalam RMKe-10, NKRA dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Sumber fiskal akan disasarkan ke arah merancang semula pelaburan swasta, mempergiatkan pembangunan modal insan, memastikan kesejahteraan hidup rakyat serta memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam. Bagi tujuan ini, peruntukan yang besar akan disediakan untuk merealisasikan inisiatif di bawah enam NKRA (RM9.5 bilion), 12 NKEA (RM6 bilion) serta menyiapkan projek di bawah RMKe-9 (RM22 bilion) dan memenuhi komitmen projek baru di bawah RMKe-10 (RM12.4 bilion). Di samping itu, peruntukan sebanyak RM1 bilion akan disediakan

untuk Dana Fasilitasi bagi melaksanakan projek yang mempunyai nilai strategik dan kesan pengganda tinggi di bawah inisiatif awam-swasta. Peruntukan juga akan disediakan untuk pembangunan koridor dan wilayah serta aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) dan inisiatif untuk meningkatkan lagi potensi PKS.

Kerajaan terus komited terhadap konsolidasi fiskal jangka sederhana bagi memastikan kemapanan fiskal dan kestabilan makroekonomi. Walaupun perbelanjaan keseluruhan meningkat 2.8% kepada RM212 billion, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit yang lebih rendah pada 5.4% daripada KDNK disokong oleh prospek prestasi kutipan hasil yang lebih baik.

Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 7.0% kepada RM162.8 bilion sejajar dengan komitmen baru di bawah RMKe-10 dan inisiatif transformasi oleh Kerajaan. Sejumlah RM1.2 billion dan RM525 juta akan diperuntukkan bagi projek yang sedia untuk dilaksanakan di bawah NKRA dan NKEA. Peruntukan bagi perbelanjaan tanggungan dan terikat seperti **emolumen** (RM45.6 bilion), **bayaran khidmat hutang** (RM18.5 bilion), **pencen dan ganjaran** (RM12.3 bilion) serta **geran dan pindahan kepada kerajaan negeri dan badan berkanun** (RM18.7 bilion) dijangka meliputi 58.4% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan **bekalan dan perkhidmatan** serta **perolehan aset** turut diberikan peruntukan yang lebih tinggi sebanyak RM28.2 bilion dan RM1.4 bilion untuk memastikan penyelenggaraan aset awam secara sempurna dan meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Sebaliknya, jumlah pembayaran **subsidi** merangkumi pelbagai subsidi (RM14.7 bilion), insentif (RM401 juta) dan program bantuan sosial (RM8.6 bilion) dijangka kekal stabil pada RM23.7 bilion atau 14.6% daripada perbelanjaan mengurus.

Prinsip yang digariskan dalam RMKe-10 juga akan dimasukkan dalam Bajet 2011. Perancangan projek dan program pembangunan akan dilaksanakan mengikut kitaran dua tahun sekali manakala penilaian akan dilakukan setiap tahun berbanding

kajian separuh penggal yang diamalkan sebelum ini. Langkah ini memberikan fleksibiliti kepada Kerajaan untuk bertindak dengan cepat terhadap perubahan dalam persekitaran ekonomi serta melaksanakan keutamaan baru selaras dengan kedudukan kewangan Kerajaan.

Pembiayaan untuk inisiatif akan diukur dengan pencapaian bagi memastikan keberkesanan, akauntabiliti dan ketelusan. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan infrastruktur bukan fizikal seperti latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan, R&D dan pembiayaan modal teroka untuk menggalakkan penglibatan modal insan berpengetahuan tinggi, kemahiran inovasi dan teknologi. Bagi memastikan kos yang optimum dan memberi lebih penjimatan, analisis pengurusan nilai dan penilaian kos kitaran hayat akan dijalankan ke atas projek yang melebihi RM50 juta. Sistem perolehan berpusat akan diperluas, merangkumi item seperti ICT dan perkhidmatan terpilih bagi mencapai penjimatan di semua jabatan Kerajaan. Agensi pemantauan utama seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Penyampaian dan Perkhidmatan Prestasi (PEMANDU) dan Unit Pengurusan Projek (PMU) akan diperkukuh dan diberi lebih tanggungjawab untuk memastikan program dan projek dilaksanakan mengikut jadual. Langkah ini akan mengurangkan pembaziran dan kelewatan pelaksanaan projek di samping menambah baik kedudukan fiskal Kerajaan.

Perbelanjaan pembangunan akan diperuntukkan RM49.2 bilion, berkurang 9.0% berbanding tahun 2010 dengan berakhirnya pakej rangsangan ekonomi kedua. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberi kepada pelaksanaan segera inisiatif NKRA (RM8.3 bilion) dan NKEA (RM5.5 bilion) di semua sektor ekonomi. Perbelanjaan NKRA untuk infrastruktur asas luar bandar (RM6.4 bilion) dan pengangkutan bandar (RM1.4 bilion) merangkumi 94.0% daripada jumlah peruntukan keseluruhan NKRA. Bagi NKEA pula, bidang pertumbuhan utama yang dikenal pasti termasuk *Greater KL* (Lembah Klang) (RM2.2 bilion), elektrik dan

elektronik (RM857 juta), pertanian (RM821 juta), minyak sawit (RM447 juta), pelancongan (RM425 juta) dan pendidikan (RM234 juta).

Sektor **perkhidmatan ekonomi** akan disediakan peruntukan terbesar sebanyak RM28.3 bilion sejajar dengan usaha untuk mencapai status negara maju. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan infrastruktur dan menambah baik pengangkutan awam yang menyumbang kepada keupayaan yang produktif dan kecekapan dalam ekonomi. Bagi tujuan ini, sejumlah RM9.6 bilion diperuntukkan kepada subsektor pengangkutan, termasuk RM1.4 bilion untuk NKRA bagi meningkatkan akses dan perhubungan pengangkutan awam bandar. Projek utama RMKe-9 yang diteruskan di bawah RMKe-10 termasuk projek landasan berkembar Ipoh – Padang Besar dan Seremban – Gemas, peningkatan keupayaan perkhidmatan komuter serta pembinaan jalan di antara Sapulut dan Kalabakan di Sabah.

Tenaga, utiliti dan komunikasi diberi peruntukan sebanyak RM6.6 bilion terutamanya bagi projek pembekalan air dan elektrik di luar bandar serta perkhidmatan pembedaan di seluruh negara. Projek dan program yang akan dilaksanakan termasuk yang telah dikenal pasti di bawah NKRA untuk meningkatkan infrastruktur asas luar bandar. Peruntukan juga disediakan bagi projek saliran dan tebatan banjir di kawasan bandar. Bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti perniagaan, sejumlah RM750 juta akan diperuntukkan untuk pelaksanaan projek jalur lebar berkelajuan tinggi di bandar dan di kawasan pertumbuhan ekonomi utama termasuk kawasan perindustrian.

Subsektor perdagangan dan industri diperuntukkan sebanyak RM9.6 bilion. Jumlah yang besar disediakan untuk membina keupayaan dan kebolehan serta menggalakkan inovasi dan keusahawanan dalam industri (RM1.5 bilion). Sehubungan itu, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang baru dikorporatkan akan lebih agresif meningkatkan pelaburan swasta

yang berkualiti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta menggalakkan lebih ramai usahawan tempatan melabur dalam negara. Usaha untuk mengembangkan potensi PKS sebagai enjin pertumbuhan dan inovasi juga akan dipergiatkan dengan peruntukan sebanyak RM83 juta. Pelancongan akan diperuntukkan RM162 juta bagi membangunkan produk khusus yang sesuai, baru dan ikonik, menaik taraf kawasan pelancongan serta pemasaran dan promosi yang menepati sasaran. Seramai 25 juta pelancong dijangka tiba pada tahun 2011 dan membawa masuk RM65.7 bilion dalam bentuk tukaran wang asing.

Pembangunan lima koridor (RM506 juta) akan diselaraskan semula dengan setiap koridor memberi tumpuan kepada sektor tertentu yang mempunyai kelebihan daya saing untuk memaksimumkan pencapaian serta memudahkan pelaksanaan dan pemantauan. Iskandar Malaysia memberi tumpuan kepada lima kelompok bidang ekonomi termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan industri kreatif. Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) pula akan menarik pelaburan dalam penjanaan kuasa dan industri berasaskan tenaga. Semua projek pembangunan koridor dijangka memberi kesan limpahan ekonomi yang besar dalam merangsang pertumbuhan ekonomi sampingan. Keutamaan terus diberi untuk memodenkan sektor pertanian (RM553 juta) dan mempercepatkan pembangunan tanah luar bandar dan wilayah (RM155 juta). Tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor tersebut melalui penerapan teknologi perladangan moden dan penarafan, mengkomersialkan output R&D serta menggalakkan aktiviti nilai tambah yang tinggi bagi menjadikan sektor ini menarik dan menguntungkan. Perkhidmatan sokongan akan diperluas untuk memastikan infrastruktur pertanian, kemudahan dan bantuan logistik mencukupi serta pengeluaran yang berkualiti (RM10 juta). Peruntukan bagi aktiviti R&D yang melibatkan semua sektor dijangka berjumlah RM357 juta termasuk sektor kesihatan, perumahan, ICT, bioteknologi dan kepenggunaan.

Bidang kritikal seperti pendidikan dan latihan, kesihatan, perkhidmatan kebajikan dan perumahan akan diberi keutamaan dalam Bajet 2011. Sehubungan itu, sebanyak RM15.5 bilion atau 31.6% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan diperuntukkan kepada sektor **perkhidmatan sosial**. Tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk peningkatan pertumbuhan nilai tambah bagi mencapai aspirasi Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Peruntukan terbesar sebanyak RM10.4 bilion atau 21.1% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada pendidikan dan latihan bagi memastikan sistem pendidikan menyediakan tenaga kerja yang dinamik, kreatif dan inovatif dengan pengetahuan serta kemahiran yang tinggi dan sahsiah yang baik. Daripada jumlah ini, RM1.3 bilion disalurkan untuk pendidikan rendah, pendidikan menengah (RM2.4 bilion), pendidikan tinggi (RM2.3 bilion) dan program latihan industri, kemahiran dan pengurusan (RM1.2 bilion). Di samping itu, pendidikan prasekolah terutama di kawasan luar bandar akan diperluas dan dipertingkatkan melalui peruntukan RM200 juta untuk memupuk asas yang kukuh dalam pendidikan.

Kualiti dan akses kepada penjagaan kesihatan pada kadar yang mampu dibayar di kawasan bandar dan luar bandar akan terus dipertingkatkan. Peruntukan sebanyak RM2.2 bilion akan disediakan bagi membina dan menaik taraf hospital dan klinik serta pembelian peralatan perubatan. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan sebanyak RM903 juta bagi perumahan awam mampu milik kepada rakyat. Jumlah ini termasuk peruntukan untuk pembinaan PPR Dimiliki, PPR Disewa dan PPR Bersepadu serta kuarters untuk kakitangan awam dan penyelenggaraan projek perumahan awam. Penyampaian perkhidmatan serta infrastruktur dan kemudahan di luar bandar akan terus dipertingkatkan dengan peruntukan sebanyak RM527 juta. Program yang dilaksanakan termasuk bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan kebajikan dan aktiviti untuk menjana pendapatan golongan miskin dan yang mudah terjejas. Peruntukan sebanyak RM1.2 bilion akan

digunakan untuk menambah baik kemudahan dan penyampaian perkhidmatan di peringkat tempatan. Selain itu, **pentadbiran am** akan diperuntukkan RM955 juta untuk melaksana pembaikan yang berterusan dalam penyampaian perkhidmatan awam, menggalakkan penggunaan IT yang meluas serta pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan Kerajaan. Kepentingan penyelenggaraan akan terus diterap bagi meningkatkan jangka hayat aset Kerajaan.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 2.3% kepada RM165.8 bilion disumbang oleh hasil cukai yang lebih tinggi (RM115.5 bilion) berikutan peningkatan pesat aktiviti ekonomi domestik dan pertumbuhan mapan sektor luaran. Semua komponen hasil cukai iaitu cukai langsung dan tidak langsung dijangka mencatat pertumbuhan positif didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi, pendapatan syarikat yang kukuh, kedudukan pasaran buruh yang baik dan peningkatan pendapatan boleh guna. Terimaan daripada PITA juga dijangka meningkat berikutan harga minyak mentah yang lebih tinggi dan permintaan kukuh dari negara serantau seperti India, Thailand, Australia dan China. Hasil bukan cukai terutamanya pendapatan daripada pelaburan, lesen dan permit serta fi perkhidmatan dijangka mencatat penurunan kecil kepada RM50.3 bilion.

Walau bagaimanapun, kutipan hasil daripada penjualan aset Kerajaan seperti tanah dijangka lebih tinggi pada RM2.4 bilion. Hasil wilayah persekutuan juga dijangka meningkat selaras dengan aktiviti ekonomi yang lebih rancak. Kerajaan akan terus melaksana penambahbaikan dalam pentadbiran cukai untuk meningkatkan kutipan hasil, menyelaraskan insentif fiskal untuk memacu pembangunan dalam bidang ekonomi utama. Pada masa yang sama, pelbagai langkah juga akan diambil bagi mencapai penjimatan. Perbelanjaan awam akan diteliti dengan lebih terperinci sementara standard, dasar dan amalan perolehan dipertingkatkan.

Kerajaan terus komited untuk melaksanakan dasar fiskal yang baik di samping menyokong pelbagai strategi untuk mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Perubahan struktur adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing bagi merangsang pertumbuhan ekonomi jangka panjang, seterusnya memberi impak ketara kepada prospek kutipan hasil. Transformasi ekonomi akan dipacu oleh sektor swasta, disokong melalui pelbagai inisiatif dan dasar Kerajaan yang strategik. Langkah konsolidasi fiskal akan diteruskan dan kedudukan kewangan Kerajaan diperkukuh berteraskan pertumbuhan berkualiti.